

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---

**TARIKH** : **1 Mac 2016 (Selasa)**  
**TEMPAT** : **Marina Island Pangkor Resort, Lumut, Perak**  
**JAM** : **8.30 mln hingga 10.30 mln**

**AGENDA:**

1. Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Taklimat Pembudayaan Ilmu oleh Cawangan Jalan
5. Taklimat Pembudayaan Ilmu oleh JKR Negeri Perak
6. Taklimat Program Pembudayaan Ilmu JKR @ Persada Minda 2016 oleh Pn. Samsul Khamariah Hamzah
7. Taklimat Perancangan Aktiviti ECKM 2016 oleh Sr. Roznita Othman
8. Taklimat Agenda ECKM oleh Sr. Roznita Othman
9. Taklimat KM dan ISO 9001:2015
10. Penutup

**KEHADIRAN:**

**A. IBU PEJABAT**

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>Cawangan</b>
1.	Sr. Roznita Othman (Pengerusi)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
2.	Ir. Dr. Hannerita Mohamad Zainal	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
3.	Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan	Caw. Jalan
4.	En. Abd. Gaffar Abu	Caw. Arkitek
5.	Sr. Ruzali Hussain	Caw. Kerja Keselamatan
6.	Ir. Razdwan Kasim	Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
7.	Sr. Zawiyah @ Zalina Mat Zain	Caw. Kontrak dan Ukur Bahan
8.	Ir. Fithry Mohd Amir (Urusetia)	Caw. Latihan dan Inovasi
9.	En. Abu Bakar Mohd Noor	Caw. Kerja Pendidikan
10	Pn. Azlina Abdul Aziz	Caw. Senggara Fasiliti Bangunan
11.	Pn. Samsul Khamariah Hamzah	Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat
12.	En. Khairil Hizar Md Khuzaimah (Urusetia)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---

13	Pn. Nor Hayati Yahya	Caw. Kerja Bangunan Am 1
14	En. Muzamir Izham Mustafa	Caw. Kerja Kesihatan
15	Pn. Nurul Huda Aminudin (Urusetia)	Caw. Latihan dan Inovasi
16	Pn. Suhaila Lazim	Caw. Senggara Fasiliti Jalan
17	Pn. Nor Parzila Binti Abdul Ghaffar (Urusetia)	Caw. Latihan dan Inovasi

**B. JKR NEGERI**

<b>Bil</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>JKR Negeri</b>
18.	Sr. Zulkifle Mohammad	JKR Pahang
19.	Ir. Suhaili Mansor	JKR Terengganu
20.	En. Mohd Razali Rajab	JKR Kelantan
21.	En. Abdul Rani Harun	JKR Perak
22.	Pn. Norayah Bakri	JKR Johor
23.	Ahmad Firdaus Md Nor	JKR Selangor
24.	En. Mohd Hafizi Mat Akhir	JKR Perlis
25.	Pn. Nafiza Samsudin	JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
26.	Ir. Henry Lue Leong Shen	JKR Wilayah Persekutuan Labuan
27.	Pn. Nur Farahin Mat Jusoh	JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
28.	En. Ahmad Hazlim Abdul Talib	JKR Negeri Sembilan
29.	En. Mat Soh Bin Mamat	JKR Kesedaran
30.	En. Abdul Nasir Abdul Kadir	JKR Pulau Pinang

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---

**PERBINCANGAN MESYUARAT**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<b><u>Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat</u></b>	
1.1	Sr. Roznita Binti Othman, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua kerana dapat hadir ke mesyuarat ini.	Makluman
1.2	Beliau menekankan kepentingan mesyuarat JKPPPI sebagai medium untuk mempelajari teknik <i>knowledge sharing</i> dan digunakan di cawangan/ negeri masing-masing.	Makluman
1.3	Mesyuarat turut dimaklumkan program sepanjang mesyuarat diadakan iaitu taklimat dan aktiviti K-Exploration, ceramah Story Telling For Knowledge Transfer dan pembentangan aktiviti K-Exploration.  Mesyuarat diperkenalkan dengan kakitangan ECKM yang baru	Makluman
2.0	<b><u>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</u></b>	
2.1	Mesyuarat disahkan oleh Ir Wan Abdul Rahman Wan Hassan dan disokong oleh Ir. Suhaili Mansor	Makluman
3.0	<b><u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u></b>	
3.1	Sr Roznita memohon Pengurus Pengetahuan untuk memaklumkan pertukaran pegawai Pengurus Pengetahuan dan mereka perlu mengambil inisiatif merangka program pengenalan kepada pegawai-pegawai baru bagi memberi pengetahuan berkaitan Cawangan dan prosedur Jabatan	Pengurus Pengetahuan
3.2	Pengurus Pengetahuan diminta untuk membantu pengarah-pengarah Cawangan untuk mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI).	Pengurus Pengetahuan
3.3	Sr. Roznita Othman memohon kerjasama daripada semua Pengurus Pengetahuan yang masih belum menghantar Laporan Pembudayaan Ilmu 2015 supaya menghantar laporan kepada pihak urusetia dengan kadar segera.	Pengurus Pengetahuan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---

<p>3.4</p> <p>3.5</p>	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit Perpustakaan dan Sumber, Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) dalam rancangan untuk menwujudkan perpustakaan mini dengan konsep di mana kakitangan boleh meminjam dan memulang atau mengambil dan menggantikan dengan buku lain. Dengan itu, igalakkan untuk menderma buku-buku dan buku-buku tersebut boleh dipinjam ataupun terus diambil.</p> <p>Pn. Shamsul Khamariah Hamzah, Pengurus Pengetahuan CDPK mencadangkan satu workshop berkaitan kaedah mendokumenkasi bahan-bahan penerbitan diadakan bagi membimbing cawangan/ JKR Negeri yang mengeluarkan bahan-bahan penerbitan. Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa semua bahan-bahan penerbitan boleh didaftarkan secara percuma dengan Perpustakaan Negara Malaysia.</p>	<p>Unit Perpustakaan dan Sumber, CDPK</p> <p>Unit Perpustakaan dan Sumber, CDPK</p>
<p>4.0</p> <p>4.1</p>	<p><b><u>Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan Cawangan Jalan</u></b></p> <p>Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan telah membentangkan Program Pembudayaan Ilmu di Cawangan Jalan yang meliputi program-program berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penyediaan dan pengemaskinian Dokumen Teknikal Jalan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Spesifikasi Piawai Jalan</li> <li>• Arahan Teknik Jalan, Nota Teknik Jalan dan Garis Panduan berhubung kerja jalan</li> <li>• Lukisan Piawai Jalan</li> </ul> </li> <li>b) Program Perkongsian Ilmu (<i>knowledge sharing</i>) – teknikal dan bukan teknikal</li> <li>c) Penyediaan <i>Technical Updates</i></li> <li>d) Seminar Cawangan Jalan</li> </ul>	<p>Makluman</p>
<p>5.0</p> <p>5.1</p>	<p><b><u>Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan JKR Negeri Perak</u></b></p> <p>En. Abdul Rani Bin Harun telah membentangkan Program Pembudayaan Ilmu di JKR Negeri Perak. Antara aktiviti yang dijalankan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cakna Ilmu : Melestarikan Modal Insan yang merangkumi 3 buah negeri iaitu JKR Perlis, JKR Kedah dan JKR Perak</li> </ul>	<p>Makluman</p>

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seminar Pembudayaan Inovasi bagi zon utara</li> <li>• Program Perkongsian Ilmu (<i>knowledge sharing</i>)</li> <li>• Penyediaan bahan rujukan</li> <li>• Sistem pengurusan pengetahuan</li> <li>• Bengkel dokumentasi/ penambahbaikan proses kerja</li> <li>• Kursus <i>Intership</i> pelajar latihan industri</li> <li>• Program pemantapan KIK/ Inovasi/ Program Anugerah</li> <li>• Program <i>Mentor Mentee</i></li> </ul>	
5.2	<p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa JKR negeri Perak mengambil inisiatif untuk memantapkan kemahiran di kalangan pelajar latihan industri bagi program ijazah dan diploma kejuruteraan awam dengan mewujudkan modul latihan industri yang perlu diikuti ketika mendapat latihan di JKR Perak.</p>	
5.3	<p>Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa JKR Perak dalam proses untuk menjilid semula sumber bahan rujukan lama yang terdapat di perpustakaan JKR Perak. Sebagai contoh, bahan rujukan lama yang akan dijilidkan semula adalah Buku Laporan Tahun 1873 dan 1934.</p>	
6.0	<p><b><u>Pembentangan Perancangan Program Pembudayaan Ilmu Tahun 2016 JKR oleh Pengurus Pengetahuan Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat</u></b></p>	
6.1	<p>Pn. Samsul Khamariah Hamzah telah membentangkan cadangan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan JKR iaitu :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bengkel Penulisan Buku Kanak-Kanak – Peranan JKR dicadangkan diadakan pada 29 Mac 2016.</li> <li>b) Pautan Ilmu JKR PNM adalah kolaborasi untuk mempromosi perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai sumber rujukan kepada orang ramai khususnya warga JKR iaitu pada 31 Mei – 1 Jun 2016. Antara aktiviti yang dirancang adalah ceramah bersama Ikon Membaca, Bacaan Kegemaran Saya, Klinik Jawi, pameran dan aktiviti membaca.</li> </ol>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---

	<p>c) Program Persada Minda @ JKR 2016 dirancang pada 24-25 Ogos 2016 dengan tema ‘penulisan’. Tiga (3) Slogan yang dicadangkan iaitu :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• pena merungkai segala</li> <li>• Minda luahan rasa, pena merungkai segala</li> <li>• Luahan rasa merungkai segala</li> </ul> <p>Antara aktiviti yang dirancang adalah Ceramah, hafazan, motivasi penulisan, penulisan blog, penulisan travelog dan forum Pena Penjana Pendapatan</p> <p>d) Program Struktur Binaan Bersama Keluarga adalah kerjasama JKR dengan Balai Seni Visual Negara dan juga LEGO Malaysia yang dijangka akan diadakan pada November 2016.</p>	
7.0	<b><u>Taklimat Perancangan Aktiviti ECKM 2016</u></b>	
7.1	<p>Sr. Roznita Othman telah membentangkan perancangan aktiviti ECKM bagi tahun 2016. Mesyuarat dimaklumkan aktiviti yang dirancang termasuklah program roadshow ECKM, bengkel JCop dan JPedia, Workshop <i>Project Lesson Learned</i> dan lawatan pelajar Universiti Selangor (Unisel) ke unit ECKM, JKR.</p>	Makluman

  

8.0	<b><u>Taklimat Agenda ECKM oleh Sr. Roznita Othman</u></b>	
8.1	<p>Sr. Roznita Othman telah membentangkan agenda Pengurusan Pengetahuan di JKR dari tahun 2008-2015 yang meliputi inisiatif-inisiatif berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) JPedia</li> <li>b) <i>Communities Of Practice</i></li> <li>c) JCop</li> <li>d) <i>Project Lessons Learned</i></li> <li>e) <i>Knowledge Café and Exit Interviews</i></li> <li>f) JKR Yellow Pages</li> <li>g) <i>E-Learning</i></li> </ol>	Makluman
8.2	<p>Sr. Roznita memaklumkan bahawa setiap Cawangan/ JKR Negeri hendaklah mengambil inisiatif dengan mengumpul maklumat/pengetahuan yang berguna yang terdapat di pejabat masing-masing dan memuatnaikkan di dalam Jpedia.</p>	Pengurus Pengetahuan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

<p><b>9.0</b></p> <p><b><u>Taklimat Pelan Bisnes berdasarkan Kerangka Strategik JKR (2016 – 2020)</u></b></p> <p>9.1 Sr. Roznita membentangkan pelan bisnes berdasarkan kerangka strategik JKR 2016-2020 yang meliputi semua tema yang berkaitan dengan inisiatif Pengurusan Pengetahuan.</p> <p>9.2 Mesyuarat dimaklumkan terdapat inisiatif di bawah Tema 1 sub-tema T1.3 Develop PM Competency, Tema 2 sub-tema T2.3 Develop Customer Centric Workforce, Tema 3 sub-tema T3.4 Identify and Develop Experts, Tema 4 sub-tema 4.4 Develop Sustainable Champion, Tema 5 sub-tema T5.3 Enrich Organisational Knowledge Base dan sub-tema T5.4 Develop Innovative Centric Workforce yang perlu diberi perhatian bagi memastikan KPI yang dirancang berjaya dicapai.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p><b>10.0</b></p> <p><b><u>Taklimat KM dan ISO 9001:2015</u></b></p> <p>10.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa ISO 9001:2015 akan digunakan bagi menggantikan ISO 9000:2008. Klausus 7.1.6 memberi tumpuan terhadap keperluan untuk menentukan dan menguruskan pengetahuan di dalam organisasi dengan baik bagi mencapai pematuhan terhadap produk ataupun perkhidmatan.</p> <p>10.2 Mesyuarat turut dimaklumkan terdapat juga Klausus 7.2 yang menyentuh tentang kompetensi dan kecekapan kakitangan yang diperlukan di dalam jabatan serta Klausus 7.5 yang menyentuh tentang sistem maklumat yang didokumenkan.</p> <p>10.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Sistem Pengurusan Pengetahuan telah pun dilaksanakan di JKR. Walau bagaimanapun Audit Pengurusan Pengetahuan perlu diadakan bagi mengaudit aktiviti Pengurusan Pengetahuan yang telah dilaksanakan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---

<b>11.0</b>	<b><u>Penutup</u></b>	
11.1	Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	

Disediakan oleh:



.....  
**Nor Parzila Binti Abdul Ghaffar**  
Penolong Pengarah  
Unit ECKM  
Caw. Perancangan Aset Bersepadu

Disemak oleh:



.....  
**Sr ROZNITA OTHMAN**  
Ketua Unit ECKM  
Caw. Perancangan Aset Bersepadu

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN  
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2016)**

---